

**SULIT**



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I  
SESI 2009/2010**

NAMA MATA PELAJARAN : SOSIOLOGI PENDIDIKAN  
KOD MATA PELAJARAN : BBE 2052  
KURSUS : SARJANA MUDA PENDIDIKAN  
TEKNIK DAN VOKASIONAL  
TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2009  
JANGKA MASA : 1 JAM 30 MINIT  
ARAHAN : JAWAB **SEMUA** SOALAN DI  
BAHAGIAN A DENGAN  
MENGUNAKAN BORANG OMR  
DAN JAWAB **SATU** SOALAN  
SAHAJA DI BAHAGIAN B  
MENGUNAKAN KERTAS  
JAWAPAN DISEDIAKAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 9 MUKA SURAT

**SULIT**

**BAHAGIAN A :**

**Jawap semua soalan dalam bahagian ini**

- S1 Ahli Sosiologi mengkaji
- A kehidupan kumpulan (*Group Life*).
  - B kehidupan setiap individu (*Individual Life*).
  - C pembentukan sesebuah organisasi (*Formation of an organization*).
  - D interaksi di antara etnik dan masyarakat (*Interaction between ethnic and society*).
- S2 Tujuan penyelidikan dalam bidang sosiologi ialah
- A mengembangkan potensi diri.
  - B membimbing masyarakat berfikiran bijaksana.
  - C mengukuhkan saling hubungan antara ahli-ahli masyarakat.
  - D melahirkan individu-individu yang berketrampilan memimpin.
- S3 "...fenomena tingkah laku manusia merupakan generalisasi yang telah diuji..."  
Kenyataan di atas menyokong sifat Sosiologi Pendidikan berikut
- A Sosiologi Pendidikan bersifat sejarah.
  - B Sosiologi Pendidikan bersifat falsafah.
  - C Sosiologi Pendidikan bersifat ilmu alam.
  - D Sosiologi Pendidikan bersifat sains.
- S4 "Sociology" merupakan gabungan dua perkataan "Socio" dan "Logy" yang membawa maksud
- A *The study of logical formation.*
  - B *The study of societal reformation.*
  - C *The science of society.*
  - D *The science of research.*
- S5 Tokoh berikut dianggap sebagai bapa sosiologi atau *The father of Sociology*.
- A Auguste Comte
  - B Lester F. Ward
  - C Herbert Spencer
  - D Karl Marx

- S6 Siapakah penulis karya *Das Kapital* pada tahun 1867?
- A Herbert Spencer
  - B Lester F. Ward
  - C Auguste Comte
  - D Karl Marx
- S7 Konsep *Law of Human Progress* yang diperkenalkan oleh Auguste Comte mempunyai tiga peringkat utama, iaitu
- A peringkat keagamaan, metafizik dan saintifik.
  - B peringkat keagamaan, sejarah dan ekonomi.
  - C peringkat metafizik, biologi dan kimia.
  - D peringkat pengujudan, perubahan dan perkembangan.
- S8 Herbert Spencer dalam tahun 1874 telah menghasilkan buku yang berkaitan dengan bidang sosiologi berjudul
- A *Positive Philosophy.*
  - B *Positive Sociology.*
  - C *Descriptive Sociology.*
  - D *Descriptive Anthropology.*
- S9 Idea utama mengenai masyarakat mengikut perspektif fungsionalisme ialah
- A konflik antara individu melahirkan kesejahteraan.
  - B terdapat persamaan di antara masyarakat dengan organisasi.
  - C manusia saling berinteraksi di sepanjang hayat mereka.
  - D pendidikan dapat membentuk kehidupan manusia.
- S10 Pengagihan kuasa dan peluang yang tidak seimbang menyebabkan terjadinya perbezaan kelas. Tokoh penting yang mengeluarkan kenyataan ini ialah
- A Herbert Spencer.
  - B Karl Marx.
  - C Max Weber.
  - D Auguste Comte.

- S11 *Symbolic interactionisme* merujuk kepada cara manusia berinteraksi melalui simbol-simbol tertentu seperti alat, lambang dan bahasa. Ia diperkenalkan oleh
- A George Herbert Mead.
  - B Karl Marx.
  - C Max Weber.
  - D Blumer.
- S12 ..... mempunyai norma yang diterima, simbol yang tersendiri dan ideologi tersendiri.
- A Ras
  - B Institusi
  - C Komuniti
  - D Masyarakat
- S13 Contoh paling sesuai mengenai perspektif interaksionisme dalam organisasi pendidikan ialah
- A mesyuarat Kelab Foto dan Kelab Kembara.
  - B guru Ali sedang menyoal Aminah berkenaan kecurian yang berlaku.
  - C sambutan lawatan rasmi Menteri Pengajian Tinggi.
  - D pergaduhan diantara tingkatan 5A dan tingkatan 3C.
- S14 Sosialisasi ialah proses interaksi sosial yang membolehkan manusia memperoleh personaliti dan belajar cara hidup masyarakatnya. Berikut adalah agen sosialisasi kecuali
- A keluarga.
  - B sekolah.
  - C media massa.
  - D guru.
- S15 Peraturan atau panduan yang dikongsi bersama bagi menentukan tingkahlaku yang sesuai di dalam situasi tertentu adalah merujuk kepada
- A nilai.
  - B norma.
  - C mores.
  - D adat.

- S16 Antara faktor-faktor yang menentukan trait sesuatu institusi adalah seperti berikut kecuali
- A simbol interaksi.
  - B simbol kebudayaan.
  - C kod tingkahlaku.
  - D ideologi.
- S17 Pernyataan yang paling tepat mengenai budaya sekolah ialah
- A cara hidup di sekolah yang mengarah kepada pencapaian matlamat rasmi.
  - B cara guru mengajar pelajar seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran.
  - C cara pelajar menerima pelajaran guru.
  - D tugas masyarakat memantau aktiviti sekolah.
- S18 Antara pembolehubah berikut yang tidak mempengaruhi corak organisasi dan kawalan sosial dalam sistem pendidikan formal ialah
- A Pejabat Pendidikan Daerah.
  - B peruntukan kewangan oleh Kementerian Pelajaran.
  - C persatuan bekas pelajar.
  - D badan-badan profesional.
- S19 Struktur sosial ialah perhubungan-perhubungan yang dirancang antara komponen-komponen asas di dalam sesuatu sistem sosial, komponen tersebut ialah
- A status, masyarakat, institusi dan negara.
  - B masyarakat, peranan, institusi dan negara.
  - C status, peranan, kumpulan dan institusi.
  - D komuniti, masyarakat, peranan dan negara.
- S20 Proses percantuman dan penyatuan di antara kelompok atau individu dari berlainan kebudayaan supaya menjadi satu kelompok dengan kebudayaan dan identiti yang sama ialah
- A integrasi.
  - B asimilasi.
  - C akomodasi.
  - D akulturasi.

- S21 Pelajar lelaki dan pelajar perempuan mempunyai pengalaman persekolahan yang berbeza, kerana
- A ciri fizikal mereka yang berbeza.
  - B kurikulum formal sekolah yang berbeza
  - C harapan, dorongan dan layanan yang berbeza.
  - D proses pengajaran dan pembelajaran yang berbeza.
- S22 Perubahan terbahagi kepada dua tahap, iaitu mikro dan makro. Tahap makro merujuk kepada
- A sikap individu, tingkah laku individu dan pola interaksi.
  - B keadaan dan tugas yang dimainkan oleh kedudukan sosial.
  - C kepimpinan yang baik dan berjaya yang membolehkan seseorang kehidupan sosial meningkat.
  - D perubahan sebuah kumpulan besar seperti institusi ekonomi, negara, agama, pendidikan dan juga perkembangan penduduk.
- S23 Mobiliti sosial didefinisikan sebagai perubahan susun lapis seseorang individu dari satu strata ke satu strata yang lain. Berikut merupakan corak-corak mobiliti sosial kecuali
- A mobiliti tandingan.
  - B mobiliti ditaja.
  - C mobiliti mendatar.
  - D mobiliti membarui.
- S24 Penggunaan pendidikan sebagai alat kawalan sosial lebih berkesan dilakukan dengan
- A meramaikan bilangan pelajar yang menjadi pengawas sekolah.
  - B pengajaran mata pelajaran sosial dan agama di institusi pendidikan.
  - C sentiasa merujuk kepada hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara.
  - D penerapan nilai-nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran di institusi pendidikan.

S25 "..... ialah satu jenama yang diberi kepada sekolah yang dikenal pasti cemerlang dalam kategorinya daripada aspek pengurusan sekolah dan kemandirian murid. Kewujudan sekolah jenis ini bertujuan melonjakkan kecemerlangan sekolah dalam sistem pendidikan Malaysia dan membangunkan sekolah yang boleh dicontohi oleh sekolah dalam golongan yang sama dan sekolah lain di luar golongannya".

Kenyataan di atas merujuk kepada

- A Sekolah Kluster
- B Sekolah Bestari
- C Sekolah Integrasi
- D Sekolah Wawasan

S26 ..... ialah proses interaksi sosial yang membolehkan manusia memperolehi personaliti (sikap, emosi, gaya) dan belajar cara hidup masyarakat.

- A Konflik
- B Sosialisasi
- C Komunikasi
- D Kawalan Sosial

S27 Seorang pelajar yang menjalankan Latihan Mengajar dikehendaki menyesuaikan diri dengan budaya di tempat dia mengajar. Jenis sosialisasi yang terlibat dalam proses penyesuaian diri dengan budaya di sekolah ialah

- I *Primary Socialization*
- II *Secondary Socialization*
- III *Developmental Socialization*
- IV *Anticipatory Socialization*

- A I sahaja
- B I dan III sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D I, II, III dan IV

S28 Untuk menjadi seorang guru yang cemerlang, ciri-ciri berikut perlu diperolehi dan sentiasa dipertingkatkan.

- I Kemahiran instruksi
- II Berpegang teguh kepada etika profesion
- III Pengujudan persekitaran bilik darjah yang sesuai.
- IV Kemahiran merancang dan menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran.

- A I dan III sahaja
- B II dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D I, II, III dan IV

S29 Kerjaya sebagai seorang guru mungkin menyebabkan seseorang guru itu kurang berinteraksi dengan masyarakat sekitarnya jika

- I guru melibatkan diri di dalam banyak aktiviti ko-kurikulum.
- II guru terlalu mementingkan pencapaian akademik pelajarannya sahaja.
- III guru tidak memahami budaya masyarakat tempatan.
- IV guru terlalu lama berkhidmat di sesebuah sekolah.

- A I dan II sahaja.
- B II dan III sahaja.
- C II, III dan IV sahaja.
- D I, II, III dan IV.

S30 Pilih pekerjaan yang tergolong dalam susun lapis pertengahan atasan.

- I Hakim
- II Jurutera
- III Pegawai daerah
- IV Pensyarah universiti

- A I dan II sahaja
- B I dan III sahaja
- C II dan III sahaja
- D II dan IV sahaja



**BAHAGIAN B :**  
**pilih dan jawab satu sahaja**

1. *"Classroom management" refers to the entire range of teacher-directed planning, managing, and monitoring of student learning activities and behavior"*

Berpandukan kepada pengalaman anda di sekolah, maktab, politeknik dan universiti, huraikan strategies yang digunakan oleh guru/pensyarah anda untuk mendapatkan kerjasama pelajar dalam kelas.

(20 markah)

2.

**KERATAN AKBAR**

**Utusan Malaysia; Jumaat 12 Julai, 2002.**

**"Kementerian arah bertindak tegas atasi masalah disiplin pelajar"**

Kebelakangan ini banyak yang telah kita dengar tentang masalah disiplin pelajar. Pelbagai gejala sosial telah melanda masyarakat kita dan pelajar sekolahlah yang terlibat secara langsung dalam aktiviti ini. Namun, oleh kerana golongan pelajar merupakan bakal pewaris negara ini, maka kegiatan merekalah yang paling hangat diperkatakan.

Pada lazimnya, masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah hanya berkisar di sekitar kenakalan mereka merosakkan harta benda awam, ponteng sekolah, merokok, melepak dan sebagainya. Mereka semakin berani melakukan pelbagai perbuatan yang bercanggah dengan undang-undang negara dan norma masyarakat. Namun begitu apabila pelajar sekolah mulai bertindak lebih jauh daripada itu, tindakan segera untuk membendung mereka daripada terjebak dengan perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Anda diminta:

- (a) menghuraikan perspektif teori fungsionalisme terhadap disiplin pelajar. (10 markah)
- (b) menghuraikan faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya disiplin pelajar. (10 markah)